

# PPIB UMS dan himpunan Masjid Negeri Sabah

## anjur bengkel

UB 5.11.2014 A3

Oleh ABD NADDIN HJ SAIDDIN

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Bengkel Pendarasan Islam 2014 pada 18 hingga 19 November 2014.

Bengkel Penyelidikan mengkhusus dalam pengajian Islam itu yang julung kali dianjurkan di Sabah merupakan anjuran bersama Himpunan Masjid-Masjid Negeri Sabah (HMNS).

Pengerusi Pendarasan Islam 2014, Dg Hafizah Ag Basir berkata, penyelidikan merupakan tunjang dalam menghasilkan penemuan-penemuan ilmu baharu yang bermanfaat.

“Penyelidikan berkualiti perlu menjadi keutamaan agar penemuan-penemuan ilmu baharu dapat dimanfaatkan sepenuhnya,” katanya.

Penyelidikan dalam pengajian Islam bukan sesuatu perkara yang asing bahkan sains penyelidikan Islam dapat dilihat melalui proses pengistinbatan hukum yang diamalkan oleh para sarjana dan ilmuwan Islam terdahulu.

Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan cabaran keperluan semasa dalam dunia penyelidikan yang berkembang pesat perlu disahut oleh para penyelidik dalam bidang pengajian Islam.

Bengkel itu berusaha menonjolkan keunikan dalam mengetengahkan aspirasi ‘pendarasan’ yang mengangkat elemen penyelidikan dan pengajian dalam Islam.

Dengan tema ‘Revisi Kerangka Metode Kajian Dalam Pengajian Islam’, bengkel itu diharapkan berjaya menjadi platform yang menyediakan medan perbincangan secara akademik dan profesional dalam menyuburkan budaya penyelidikan berkualiti khususnya dalam pengajian Islam.

Dekan PPIB Profesor Dr Vincent Pang dan Jawatankuasa Pelaksana yang diterajui oleh Prof Madya Dr Ahmad Tarmizi Abdul Rahman selaku Pengerusi I merakamkan penghargaan kepada pengurusan universiti atas sokongan berterusan dalam menjayakan bengkel itu.

Tidak dilupakan kepada Pengerusi Himpunan Masjid-Masjid Negeri Sabah Haji Ibrahim Haji Kisab selaku pengajur bersama atas tajaan khas penyertaan dan sumbangan.

Ucapan terima kasih juga kepada Pimpinan Kerajaan Negeri khususnya kepada Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Haji Mohd Arifin Haji Mohd Arif, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Hajah Jainab Ahmad Ayid, Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) Datuk Haji Abdul Rahim Ismail dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (Sedco) Dato’ Sri Haji Nasir Tun Haji Sakaran atas sumbangan dan sokongan berterusan terhadap aktiviti keintelektualan serta penghargaan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan lagi bengkel itu.

“Kami mengalu-alukan penyertaan pelbagai pihak untuk meneroka cabaran baru dalam memperbaharui metode penyelidikan pengajian Islam selaras usaha memantapkan lagi dunia penyelidikan yang sedia ada.

“Usaha ini diharapkan dapat mengetengahkan dapatan baru dalam bentuk kajian dalam pengajian Islam sekali gus menyumbang kepada dunia penyelidikan secara keseluruhannya,” kata Hafizah.